

**LAWATAN AKADEMIK JABATAN PENGURUSAN PEMBINAAN (JPP), FPTP, UTHM  
KE UNIVERSITI MALAYA DAN TAYLOR'S UNIVERSITY**

Pada 21 February 2025 satu sesi Lawatan Akademik dari Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), FPTP, UTHM, yang diketuai oleh Prof Madya Ts. Gs. Dr. Sulzakimin Bin Mohamed telah diadakan bertempat di Universiti Malaya dan Taylor's University, Selangor.

Lawatan Akademik ke Universiti Malaya telah berpeluang mengadakan kunjungan ke Fakulti Alam Bina. Lawatan ini bermatlamat untuk meningkatkan mutu Perkhidmatan Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan & Pembangunan. Ahli JPP turut berpeluang mendengar, melihat dan berkongsi peluang untuk pembangunan dan perkembangan staf. Antara aktiviti sepanjang tempoh lawatan tersebut adalah;

1. Perkongsian program akademik
2. Lawatan ke makmal kraf digital dan makmal persekitaran di Univeristi Malaya dan lawatan ke perpustakaan dan makmal Vortex di Taylor's University.
3. Lawatan sekitar universiti serta
4. Perbincangan kerjasama penyelidikan dan penerbitan.

Selaku Penyelaras Lawatan Akademik, Prof Madya Dr. Haryati Shafii mengharapkan agar lawatan seumpamanya ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang bagi meningkatkan pengetahuan dan motivasi dalam kalangan staf JPP.

Disediakan oleh:

Penyelaras Lawatan Akademik

Prof Madya Dr. Haryati Shafii











